

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD  
[ KANGAR ]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan pelancongan di negeri-negeri yang bersempadanan dengan negara jiran seperti Perlis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk merencanakan lagi pelancongan sempadan (*cross border tourism*) termasuklah negeri Perlis. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- 1) Malaysia, di bawah platform Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) giat membangun dan mempromosi pakej-pakej pelancongan di rantau ini termasuk Perlis. Tourism Malaysia telah menerbitkan Pakej Pelancongan Bersama IMT-GT bagi tempoh 2018-2019 yang menghubungkan destinasi-destinasi pelancongan di wilayah-wilayah IMT-GT. Pakej-pakej berkenaan seperti '*Satun-Perlis Homestay Packages*' telah dilancarkan pada 30 Oktober 2018. Sehingga Julai 2019, sebanyak 697 pakej pelancongan telah dijual dengan nilai jualan sebanyak RM669,416.
- 2) Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur di pintu-pintu masuk utama yang bersempadan dengan Thailand, termasuk di Perlis bagi mempermudah dan meningkatkan pengalaman baik pelancong asing yang menggunakan pintu masuk berkenaan untuk melancong ke Malaysia dan Thailand. Usaha-usaha ini diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi atau MEA sebagai penyelaras IMT-GT di Malaysia;
- 3) Mengadakan '*Familiarization Trip*' atau lawatan suai kenal dengan menjemput agensi – agensi pelancongan serta media dari luar negara ke negeri Perlis untuk meninjau produk serta membangunkan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian. Sebagai contoh, lawatan suai kenal sempena dengan program '*IMT-GT Eco-Tourism*'; dan
- 4) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dalam mempromosikan tempat-tempat menarik di negeri melalui penganjuran acara-acara tahunan seperti Pesta Angin Timur Perlis pada 1 hingga 3 Mac 2019, Pesta Air Kuala Perlis pada 7 hingga 8

## NO. SOALAN : 9

September 2019 dan Kejohanan Woodball pada 11 hingga 13 Oktober 2019 bagi merencanakan lagi pelancongan rentas sempadan di negeri Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kangar, bagi menggalakkan lagi pelancongan serta meningkatkan ketibaan pelancong China dan India, Kerajaan telah meluluskan penambahan 6 pintu masuk dengan kemudahan VOA iaitu di:

- a. Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah;
- b. Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kedah;
- c. Lapangan Terbang Antarabangsa Miri, Sarawak;
- d. ICQS Sungai Tujoh, Sarawak;
- e. Terminal Feri Labuan; dan
- f. Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah (Skypark Subang).

Di samping itu, kadar fi VOA juga dikurangkan daripada RM330 kepada RM200; pemilikan jumlah wang (*show money*) telah dikurangkan daripada USD1000 kepada USD500 yang boleh dikemukakan sama ada dalam bentuk tunai, cek kembara, kad kredit, kad debit atau wang elektronik yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia; dan pemanjangan tempoh tinggal daripada 7 hari kepada 15 hari.

Sekian, terima kasih.